

# APB Rembau e-Bulletin

e-ISSN: 2682-776X

Edition: 13/2024

## EDITORIAL BOARD

### PATRON

Prof. Dr. Yamin Yasin

### COORDINATOR

Nur Faathinah Mohammad Roshdan

### CHIEF EDITOR

Assoc. Prof. Dr. Soo Kum Yoke, Carolyn

### EDITORIAL COMMITTEE

Ooi Sing Ee

Khairon Nisa Shafeei

Shahrul Muhazad Shahrudin



## **Warga Asing Di Malaysia Perlu Dikawal Selia Dengan Lebih Efektif dan Efisien**

*Ditulis oleh: Dr Mohd Ramlan Mohd Arshad*

Umum telah mengetahui perihal kebanjiran warga asing di Malaysia. Umpamanya, jumlah kehadiran pekerja asing di Malaysia menunjukkan peningkatan saban tahun. Sehingga 15 Februari 2024, jumlah pekerja asing di Malaysia berjumlah 2.1 juta orang seperti yang dilaporkan oleh Menteri Dalam Negeri di Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Parlimen Malaysia 2024. Perlu diingatkan bahawa jumlah ini tidak termasuk mereka yang memasuki negara Malaysia tanpa dokumen sah iaitu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Jumlah PATI ini berada dalam lingkungan 1.5 hingga 3 juta orang sehingga tahun 2022 seperti yang dilaporkan oleh International Organization for Migration (IOM). Jumlah ini menurut IOM termasuklah pelarian yang diberi taraf PATI oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM).

Berdasarkan kepada statistik tersebut, isu warga asing di Malaysia berada dalam situasi yang agak kritikal. Oleh itu, satu penyelesaian yang tuntas perlu diambil. Atas maksud itu, semua pihak perlu terlibat secara langsung dalam memastikan sebuah penyelesaian secara holistik. Hal ini untuk memastikan masalah yang berkait rapat dengan kemanusiaan ini dapat diatasi. Pelbagai pihak perlu terlibat kerana isu

warga asing ini boleh memberi impak besar kepada sosial, ekonomi, politik dan perundangan negara. Kehadiran warga asing bukan sahaja boleh 'membunuh' peluang pekerjaan tetapi boleh mengganggu gugat demografik etnik di Malaysia. Misalnya, terdapat banyak kes di mana warga asing berkahwin dengan warga tempatan, maka sebuah etnik campuran telah terbentuk. Jika tidak dikawal, etnik campuran ini bakal menjadi majoriti dan boleh mengubah ciri-ciri etnik asal di sesuatu kawasan geografi di Malaysia. Tambahan pula, jika kedudukan etnik campuran ini semakin mengukuh, ianya bakal memberi impak kepada struktur asas politik di peringkat bawahan apabila mereka mula bergiat aktif di arena politik setempat.

Selain itu, kelompangan dalam isu perundangan juga menyebabkan pengurusan warga asing di Malaysia menjadi semakin sukar. Terdapat perbezaan yang ketara antara kelompok pelarian dan warga asing, namun perundangan ketika ini tidak membezakan keduanya. Ini menyebabkan berlakunya kekhilafan di dalam menguruskan warga asing yang berwarganegara dan yang tidak memiliki kewarganegaraan. Oleh itu, perundingan melibatkan mereka yang memiliki kepakaran adalah amat penting dalam memastikan solusi yang holistik dapat dibentuk.



Foto 1: Penulis bersama warga asing dari Bangladesh, Pakistan, Myanmar dan Filipina.

Seterusnya, kawal selia warga asing ini amat penting kerana terdapat gerakan menyeleweng yang dibawa oleh mereka. Tidak boleh melihat warga asing sama ada yang sah atau tidak hanya dari sudut pekerjaan bahkan perlu lebih meluas. Perlu melihat dari aspek keagamaan yang mempunyai kecenderungan untuk membawa ideologi terrorisma dan ekstremisma. Hal ini seperti amaran oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) berkaitan usaha untuk mewujudkan Kerajaan 9. Tidaklah boleh melakukan 'pukul rata' ke atas semua pergerakan atau kumpulan. Namun kewujudan isu keselamatan seperti ini mengukuhkan lagi pandangan bahawa warga asing di Malaysia

perlu ditambah baik pengurusannya. Adalah suatu perkara yang penting untuk menambah baik sistem biomterik negara. Rujukan kepada sistem teknologi biomterik di negara lain seperti Amerika Syarikat mungkin boleh dilakukan.



Foto 2: Penulis bersama pihak NGO untuk urusan rundingan berkaitan warga asing di Malaysia.

Selanjutnya, kehadiran warga asing telah memberi impak kepada kedudukan Malaysia dalam kedudukan hak asasi manusia (HAM). Malaysia ketika ini sedang 'bergelut' untuk memastikan negara tidak kekal di Tier 3 atau jatuh ke dalam kumpulan negara yang mempunyai layanan HAM yang sangat teruk. Isu ini kritikal kerana boleh memberi impak secara terus kepada kedudukan ekonomi negara. Hal ini kerana pelabur asing luar tidak akan mengambil risiko untuk meletakkan dana mereka di sebuah negara yang berisiko disaman kerana layanan HAM. Situasi ini boleh mewujudkan kerugian maka

telah menjadi faktor penolak kepada pelabur asing untuk masuk ke Malaysia. Oleh itu, adalah penting untuk rundingan HAM dilakukan oleh pihak kerajaan dan pembuat dasar.

Akhirnya, adalah diharapkan semua pihak daripada pihak kerajaan, majikan, badan masyarakat sivil dan ahli akademik untuk duduk bersama dalam menghasilkan dokumen pengurusan dan pentadbiran warga asing di Malaysia. Hal ini penting kerana kekhilafan dalam tata kelola beberapa dekad sebelum ini telah memberi kesan negatif kepada negara. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara positif untuk negara seperti memenuhi kehendak industri 3D (Kotor, Bahaya, Sukar) yang tidak mendapat sambutan oleh pekerja tempatan. Namun, janganlah kerana untung satu perkara tetapi rugi banyak perkara. Hal ini ibarat menang sorak kampung tergadai. Justeru itu, satu pendekatan yang mengambil kira data, statistik dan penggunaan teknologi baru perlu dimasukkan dalam agenda nasional untuk pengurusan warga asing yang lebih efektif dan efisien. Jika tidak mengambil langkah yang drastik pada masa ini, mungkin pada dekad, atau abad yang datang, negara Malaysia bakal menjadi negara warga asing!